



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

STATISTIK TENAGA BURUH, MALAYSIA, 2024

Pasaran buruh Malaysia terus pulih pada 2024 dan dijangka kekal stabil sepanjang 2025, seiring dengan pertumbuhan ekonomi yang mampan

PUTRAJAYA, 30 JUN 2025 – Pasaran buruh Malaysia terus pulih pada 2024 dan dijangka kekal stabil sepanjang 2025, seiring dengan pertumbuhan ekonomi yang mampan, Jabatan Perangkaan Malaysia melaporkan hari ini dalam siaran **Statistik Tenaga Buruh Tahunan, Malaysia, 2024**. Statistik ini mencerminkan situasi penawaran tenaga buruh di Malaysia, seperti yang dilaporkan melalui Survei Tenaga Buruh yang dilaksanakan oleh DOSM.

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, pasaran buruh Malaysia bagi tahun 2024 terus mencatatkan prestasi memberangsangkan, dengan kadar pengangguran menurun kepada 3.2 peratus, di bawah paras prapandemik 3.3 peratus yang direkodkan pada tahun 2019. Begitu juga, bilangan penganggur berkurang kepada 534.1 ribu orang, dengan penurunan yang sebahagian besarnya disumbangkan oleh golongan belia berumur 15 hingga 24 tahun. Dalam masa yang sama, tenaga buruh meningkat sebanyak 3.3 peratus kepada 16.90 juta orang berbanding 16.37 juta orang pada tahun sebelumnya. Kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) turut meningkat kepada paras tertinggi yang baharu iaitu 70.6 peratus berbanding 70.0 peratus pada tahun 2023.

Bilangan penduduk bekerja terus mencatatkan pertumbuhan tahunan yang positif, meningkat sebanyak 3.5 peratus kepada 16.37 juta orang berbanding 15.81 juta orang pada tahun sebelumnya. Sejajar dengan itu, nisbah guna tenaga kepada penduduk turut meningkat sebanyak 0.7 mata peratus kepada 68.4 peratus (2023: 67.7%). Merujuk kepada taraf pekerjaan, 78.5 peratus daripada penduduk bekerja merupakan kategori pekerja (12.86 juta orang), manakala bilangan kategori penduduk bekerja sendiri meningkat kepada 2.52 juta orang, menyumbang 15.4 peratus daripada jumlah guna tenaga.

Majoriti penduduk bekerja di Malaysia tertumpu dalam kategori pekerjaan separuh mahir, merangkumi 56.5 peratus daripada jumlah guna tenaga atau bersamaan 9.26 juta orang, diikuti oleh pekerjaan mahir (30.2%; 4.94 juta orang) dan kategori pekerjaan berkemahiran rendah (13.3%; 2.17 juta orang). Dari sudut sektoral, guna tenaga kekal didominasi oleh sektor Perkhidmatan yang terus mencatatkan trend peningkatan dan merangkumi 65.6 peratus daripada jumlah guna tenaga. Ini diikuti oleh sektor Pembuatan sebanyak 16.3 peratus dan sektor Pertanian sebanyak 9.0 peratus. Selain itu, sektor Pembinaan mencatatkan 8.5 peratus daripada jumlah guna tenaga, manakala sektor Perlombongan & pengkuarian merekodkan sumbangan terkecil iaitu 0.5 peratus.

Melihat kepada situasi guna tenaga tidak penuh pada tahun 2024, bilangan mereka yang bekerja kurang daripada 30 jam seminggu disebabkan keadaan kerja atau disebabkan kerja yang tidak mencukupi menurun sebanyak 6.1 peratus kepada 212.5 ribu orang (2023: 226.3 ribu orang), dengan kadarnya susut kepada 1.3 peratus berbanding 1.4 peratus pada tahun sebelumnya. Sejajar dengan ini, guna tenaga tidak penuh berkaitan masa yang merujuk kepada mereka yang bekerja kurang daripada 30 jam seminggu dan mampu serta sanggup bekerja lebih masa, turut berkurang sebanyak 9.1 peratus kepada 125.1 ribu orang, dengan kadar menurun kepada 0.8 peratus (2023: 137.5 ribu orang; 0.9%). Pada masa yang sama, guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran, yang merujuk kepada mereka yang berpendidikan tertiar namun bekerja dalam pekerjaan separuh mahir dan berkemahiran rendah, mencatatkan kadar yang lebih rendah iaitu pada 36.1 peratus (2023: 36.3%). Namun begitu, bilangan kumpulan ini meningkat sebanyak 1.3 peratus atau 26.8 ribu orang, menjadikan jumlah keseluruhan seramai 2.06 juta orang berbanding 2.04 juta orang pada tahun sebelumnya.

Beralih kepada situasi pengangguran, bilangan penganggur turun sebanyak 3.5 peratus kepada 534.1 ribu orang. Daripada jumlah tersebut, 76.5 peratus merupakan penganggur aktif atau mereka yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan, iaitu seramai 408.8 ribu orang, berkurang sebanyak 3.2 peratus berbanding tahun sebelumnya. Berdasarkan tempoh pengangguran, 62.8 peratus daripada penganggur aktif menganggur selama kurang daripada tiga bulan, manakala 6.3 peratus adalah pengangguran jangka panjang melebihi setahun. Sementara itu, bilangan penganggur tidak aktif, atau mereka yang tidak mencari pekerjaan kerana percaya tiada pekerjaan tersedia, menurun sebanyak 4.4 peratus kepada 125.3 ribu orang (2023: 131.1 ribu orang).

Mengikut kumpulan umur, pengangguran belia berumur 15 hingga 24 tahun berkurang sebanyak 0.7 mata peratus kepada 10.3 peratus, dengan bilangan penganggur dalam kumpulan ini menurun sebanyak 4.1 peratus kepada 284.7 ribu orang (2023: 297.0 ribu orang). Begitu juga, kadar pengangguran bagi golongan dewasa berumur 25 hingga 64 tahun berkurang sebanyak 0.1 mata peratus kepada 1.8 peratus (2023:

1.9%), manakala bilangan penganggur menurun sebanyak 2.8 peratus kepada 249.4 ribu orang (2023: 256.5 ribu orang).

Di peringkat negeri, W.P. Putrajaya merekodkan kadar pengangguran terendah pada 1.1 peratus, diikuti oleh negeri Melaka (1.6%), Pulau Pinang dan Pahang yang masing-masing merekodkan 2.0 peratus. Manakala, KPTB tertinggi juga dicatatkan oleh W.P. Putrajaya (78.7%), diikuti oleh Selangor (77.9%), W.P. Kuala Lumpur (75.4%) dan Pulau Pinang (72.0%). Bagi penyertaan perempuan, lima negeri mencatatkan KPTB perempuan melebihi paras nasional 56.5 peratus, iaitu W.P. Putrajaya (79.4%), Selangor (70.3%), W.P. Kuala Lumpur (66.6%), Melaka (58.4%) dan Pulau Pinang (57.6%).

Merujuk kepada guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran, enam negeri merekodkan kadar lebih rendah berbanding kadar nasional 36.1 peratus. W.P. Kuala Lumpur merekodkan kadar terendah pada 18.6 peratus, diikuti oleh Pulau Pinang (26.5%), Negeri Sembilan (31.3%), W.P. Putrajaya (32.1%), Johor (33.4%) dan Perak (34.7%). Sebaliknya, negeri Kelantan mencatatkan kadar tertinggi iaitu pada 52.3 peratus, dengan Terengganu dan Pahang masing-masing merekodkan kadar 45.8 peratus dan 44.5 peratus.

Sementara itu, bilangan penduduk luar tenaga buruh mencatatkan sedikit peningkatan kepada 7.02 juta orang, yang majoriti kekal tidak aktif disebabkan oleh kerja rumah/tanggungjawab keluarga dengan sumbangan sebanyak 43.1 peratus, diikuti oleh kategori bersekolah/latihan yang meliputi 41.3 peratus.

Secara keseluruhannya, ekonomi Malaysia pada 2024 berkembang dengan lebih pesat, didorong oleh permintaan domestik yang kukuh, perbelanjaan isi rumah yang berdaya tahan dan pemulihan eksport yang disokong oleh aktiviti pelaburan yang berterusan terutamanya dalam sektor Perkhidmatan dan Pembuatan. Momentum positif ini telah menyokong kestabilan pasaran buruh, yang ditunjukkan melalui peningkatan guna tenaga dan penurunan kadar pengangguran. Pertumbuhan ekonomi yang sederhana dijangka pada tahun 2025, disokong oleh peranan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN serta inisiatif seperti Rangkaian Kampung ASEAN yang bertujuan untuk memperkasakan pembangunan luar bandar dan meningkatkan kemahiran tenaga kerja. Oleh itu, unjuran ini mencerminkan sumbangan kepada prospek pasaran buruh negara yang optimistik, meskipun berdepan ketidakpastian ekonomi global.


Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia julung kalinya berjaya menduduki tempat pertama di peringkat global di dalam laporan dwitahunan *Open Data Inventory* (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh *Open Data Watch* (ODW) dengan mengatasi 198 buah negara yang lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan'. Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Carta 1: Tenaga buruh and KPTB, Malaysia, 1982 - 2024



Carta 2: Penduduk bekerja dan nisbah guna tenaga kepada penduduk, Malaysia, 1982 - 2024



Carta 3: Bilangan penganggur dan kadar pengangguran, Malaysia, 1982 - 2024



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

30 JUN 2025